



## JELMAAN REPTILIA DALAM AKAL BUDI MASYARAKAT IBAN: ANALISIS SEMANTIK INKUISITIF

*(Reflection of Reptiles in Iban Mind: An Inquisitive Semantics Approach)*

Rynna Sha'erra Mindew Douglas<sup>1\*</sup>, Mary Fatimah Subet<sup>1</sup>, Muhammad Zaid Daud<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Malaysia

<sup>2</sup>Pusat Pembelajaran Bahasa, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, 76100 Durian Tunggal, Malaysia

\*Corresponding Author Email: [rynna.shaerradouglas@gmail.com](mailto:rynna.shaerradouglas@gmail.com)

Received: 20 December 2021 • Accepted: 13 April 2023 • Published: 31 October 2023

### **Abstract**

*Images of reptile animals are often debated in various fields such as science, education and their use in proverbs of Malay idioms and Iban idioms. Observation of the characteristics of animals in these classes makes the Iban community more sensitive toward their surroundings. In the Iban idioms, the images of reptiles used are due to the inherent properties of the animals that are equated or reflected in the nature and actions of men in the past. A total of 15 Iban idioms using images of reptiles were generated from *Bup Sempama Iban*, a book written by Casper Kayong Umping (2011).. The proverbs data were analyzed using the Semantic Inquisitive Approach by applying the Bridging Cross Reference toward the corpus data. Based on the analysis, the proverbs using the images of reptiles show the traits possessed by humans and they are conveyed by the use of proverbs (*Sempama Jaku Iban*) with implied meanings and subtle language to keep the recipient's heart or listeners. The merging of data, the applied theory, and the culture applied in this study has successfully explained the implicit meaning behind the Iban idioms and the reflection of the minds of the speakers.*

**Keywords:** *Iban proverbs, iban mind, semantic inquisitive approach, bridging cross reference*

### **Abstrak**

Imej haiwan kelas reptilia sering kali dibahaskan dalam pelbagai bidang seperti sains, pendidikan dan juga penggunaannya dalam peribahasa sama ada peribahasa Melayu dan peribahasa Iban. Pengamatan terhadap sifat-sifat haiwan tersebut menjadikan masyarakat Iban lebih peka terhadap persekitaran mereka. Dalam

peribahasa Iban, imej reptilia digunakan adalah disebabkan oleh sifat yang ada pada haiwan tersebut yang disamakan atau direfleksikan kepada sifat dan tindakan manusia pada masa lalu. Sebanyak 15 data peribahasa Iban menggunakan imej reptilia dijana dari buku Bup Sempama Iban yang ditulis oleh Casper Kayong Umping. Data peribahasa dianalisis dengan menggunakan Pendekatan Semantik Inkuisitif dengan mengaplikasikan Rangka Rujuk Silang terhadap data korpus. Berdasarkan analisis yang dilakukan, peribahasa yang menggunakan imej reptilia menunjukkan sifat-sifat yang dimiliki oleh manusia dan ia disampaikan dengan menggunakan peribahasa (*sempama jaku Iban*) yang mempunyai makna yang tersirat dan bahasa yang halus dengan tujuan menjaga hati penerima atau pendengar. Gabungan data peribahasa, teori yang diaplikasikan dan budaya yang digunakan dalam kajian ini telah berjaya merungkai makna implisit di sebalik *sempama jaku Iban* dan akal budi penuturnya.

**Kata kunci:** peribahasa, sempama jaku Iban, akal budi, semantik inkuisitif, rangka rujuk silang

**Cite as:** Rynna Sha'erra Mindew Douglas, Mary Fatimah Subet, & Muhammad Zaid Daud. (2023). Reflection of Reptiles in Iban Mind: An Inquisitive Semantics Approach. *Asian People Journal*, 6(2), 1-19.

## PENGENALAN

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015), reptilia didefinisikan sebagai haiwan yang berdarah sejuk. Reptilia boleh ditemui di pelbagai kawasan di dunia misalnya di kawasan padang pasir yang kering, di pusat bandar, di dalam hutan atau semak dan ia juga dapat ditemui beratus meter di dalam laut. Meskipun begitu, kumpulan haiwan ini tidak dapat ditemui di kawasan kutub dan puncak gunung (Diele-Viegas & Rocha, 2018; Fathinia et al., 2017). Reptilia diklasifikasikan sebagai sekumpulan haiwan yang tidak dapat mengawal suhu badan mereka dan ia mempunyai kulit yang bersisik ataupun berketul, misalnya ia terdiri daripada selaput bertulang atau bergading (Hamid, 2004). Haiwan kelas ini mempunyai kaki yang pendek dan bahkan terdapat beberapa jenis yang tidak mempunyai kaki langsung (Pan et al., 2021; Moon, 2019). Antara ciri-ciri haiwan yang dikelaskan dalam kumpulan ini adalah seperti mempunyai kulit bersisik yang kering, melakukan proses pernafasan menggunakan peparu, kebiasaannya bertelur dan mempunyai cangkering yang keras dan sesetengah haiwan dalam kumpulan ini mempunyai empat kaki yang pendek meskipun sesetengahnya tidak mempunyai kaki dan reptilia juga merupakan kumpulan haiwan yang berdarah sejuk (Villa & Delfino, 2019).

Sehubungan dengan itu, masyarakat Iban berupaya mengaitkan tingkah laku haiwan reptilia dengan penciptaan peribahasa. Tambah Muhammad Zaid Daud (2020), oleh kerana kebolehan masyarakat zaman dahulu yang berjaya mengasosiasikan unsur alam di sekeliling mereka dengan sikap dan kelakuan manusia secara implisit telah membuktikan bahawa mereka adalah masyarakat yang mempunyai akal budi dan pemikiran yang tajam. Kewujudan peribahasa dalam masyarakat Iban adalah daripada pengalaman hidup termasuklah peristiwa yang pernah dialami, perkara yang sering dilihat dan benda yang dirasai. Dalam erti kata lain, peribahasa yang wujud dalam sesebuah masyarakat memaparkan cara hidup, interaksi sosial, nilai kebudayaan serta cara pemikiran masyarakat bagi sesebuah bangsa (Tenas Effendy, 2013). Melalui penciptaan peribahasa ini dapat dikaitkan dengan akal budi masyarakat Iban itu sendiri. *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015) mendefinisikan akal budi sebagai fikiran yang sihat. Akal budi sebagai kebolehan ingatan atau pemikiran untuk berimajinasi misalnya imajinasi kehaiwanan, keinsanan, anggapan, memori dan juga mengingat semula (Shamsudin Othman, Azhar Md Sabil,

Ghazali Lateh, 2015). Definisi ini dapat dikaitkan dengan masyarakat Iban yang menggunakan daya imajinasi yang mempunyai kaitan dengan unsur alam misalnya, reptilia untuk memberikan pesanan dan nasihat. Definisi akal budi dikukuhkan lagi oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014) dengan menyatakan bahawa akal budi mampu memperlihatkan akal, berfikiran secara logik dan waras dalam berbahasa serta mempunyai kebijaksanaan sewaktu mengujarkan makna dan ia bukan sahaja merujuk kepada seseorang yang memiliki akal secara lahiriah. Maka, tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji makna implisit di sebalik peribahasa Iban (*sempama jaku Iban*) dalam imej reptilia menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014). Di samping itu, pengkaji turut melihat pengaruh budaya yang menyebabkan kewujudan peribahasa yang menggunakan imej reptilia.

## SOROTAN LITERATUR

Nor Hashimah Jalaluddin (2014) telah memperkenalkan pendekatan semantik inkuisitif sebagai penambahbaikan kajian mengenai metafora. Perkara ini telah menarik pengkaji lepas seperti, Balveen Kaur dan Mary Fatimah Subet (2019), Muhammad Zaid Daud (2017; 2018a; 2018b; 2018c; 2018d; 2020), Muhammad Zaid dan Mary Fatimah Subet (2019a; 2019b; 2018c; 2019d; 2021b), Tangaprabu Murthy dan Mary Fatimah Subet (2018a; 2018b; 2019; 2020), Tangaprabu Murthy et. al. (2019a; 2019b; 2019c), Mary Fatimah Subet dan Mohd Ridzuan Md Nasir (2019), Muhammad Zaid Daud, Nurul Aida Abdullah dan Mary Fatimah Subet (2021) serta Siti Elmira Jonteng et al. (2021) untuk terus memperluas kajian metafora. Kajian-kajian sebegini telah mengambil kira data autentik, semantik dan konteks, kognitif penutur, budaya dan akal budi penuturnya.


Peribahasa merupakan salah satu elemen metafora. Dalam masyarakat Iban pula, peribahasa merupakan sebahagian daripada *sempama jaku Iban*. Syed Abdullah Syed Sulaiman (2011) mengelaskan peribahasa merupakan sebuah tradisi lisan yang merupakan pesanan atau kesaksian yang diturunkan daripada satu generasi ke generasi yang seterusnya. Pesanan atau amanat tersebut disampaikan dalam beberapa bentuk misalnya dalam bentuk pantun, cerita rakyat, nasihat, lagu rakyat dan juga dalam bentuk peribahasa (Muhammad Zaid Daud & Mary Fatimah Subet, 2021a). Justeru, *sempama jaku Iban* merupakan sebuah tradisi lisan yang diwarisi oleh masyarakat Iban secara turun-temurun.

Konsep tradisi lisan sering dikaitkan dengan konsep-konsep seperti 'folk society' dan 'folklore' dalam bidang antropologi dan konsep-konsep tersebut merupakan sebahagian daripada pengetahuan mengenai budaya atau dikenali sebagai budaya tradisional sesebuah masyarakat yang diturunkan daripada satu generasi kepada generasi yang lain dan media penyampaian yang digunakan ialah media lisan (Seymour-Smith, 1986). *Sempama jaku Iban* merupakan tradisi lisan masyarakat Iban yang merupakan peninggalan nenek moyang masyarakat Iban.

Russel Dundang dan Mary Fatimah Subet (2018) telah melakukan kajian berkaitan dengan peribahasa Iban dan telah berjaya membuktikan bahawa terselitnya falsafah di sebalik penciptaan sesuatu peribahasa dalam masyarakat Iban khususnya yang menggunakan unsur alam yang dapat dikaitkan dengan budaya masyarakat Iban. Data yang dipilih dalam kajian tersebut merupakan data korpus dan kaedah temu bual digunakan bagi mendapatkan maklumat. Kajian tersebut bersifat kualitatif dan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Dalam kajian tersebut, unsur alam yang dipilih dan dikelaskan daripada peribahasa tersebut dibahagikan kepada empat domain utama.

**METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah kualitatif. Pengkaji telah memperoleh *Sempama Jaku Iban* yang terdapat dalam buku “Sempama Jaku Iban” yang ditulis oleh Casper Kayong Umping (2011). Buku ini dipilih kerana ia menggunakan sistem ejaan bahasa Iban yang terkini dan memberikan contoh penggunaan bagi setiap *sempama jaku Iban* dan ia memudahkan pengkaji untuk memahami konteks tersebut. Buku ini mengandungi 460 buah peribahasa yang ditulis dalam bahasa Iban. Kemudian, pengkaji membuat pencerakinan terhadap kategori peribahasa yang ditulis dalam buku tersebut. Setiap peribahasa dikategorikan mengikut domain yang berbeza seperti haiwan (fauna), tumbuh-tumbuhan (flora), anggota badan, geografi, cuaca dan sebagainya. Namun begitu, kajian ini dibataskan dengan menganalisis peribahasa Iban yang mempunyai imej perlambangan reptilia. Kajian ini turut membahagikan penganalisan makna menggunakan pendekatan semantik inkuisitif dengan menerapkan Teori Relevans kepada tiga (3) tahap atau peringkat iaitu peringkat logik, peringkat kognitif dan semantik inkuisitif. Berikut menunjukkan rumusan pendekatan semantik inkuisitif yang dirujuk digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini.



Rajah 1: Kerangka Semantik Inkuisitif oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014)

Pada tahap pertama, pengkaji memberikan penjelasan dengan menjelaskan maksud peribahasa tersebut yakni menterjemah peribahasa tersebut kepada bahasa Melayu dan menjelaskannya pada peringkat logik iaitu berdasarkan makna harfiahnya. Dalam bidang semantik, peringkat ini dikenali sebagai semantik skrip. Makna harfiah hanya melibatkan pentafsiran makna dan kata sahaja. Pada peringkat yang seterusnya, pengkaji akan menjelaskan huraian pada peringkat umum tersebut menggunakan analisis kognitif dan peringkat ini dinamakan sebagai semantik resonans. Data yang di kumpul akan diterapkan kepada kerangka teori yang telah dipilih oleh pengkaji setelah maklumat kognitif diperolehi dan seterusnya ia akan dikaitkan dengan falsafah masyarakat Iban. Untuk mendapatkan akal budi dan keintelektualan masyarakat Iban, pengkaji turut menjalankan temu bual tidak

berstruktur dengan rumus NORF (bagi responden wanita) dan NORM (bagi responden lelaki), iaitu (1) responden mestilah penduduk asli di kawasan tersebut; (2) mobiliti rendah iaitu responden tidak sering keluar dari tempat asalnya; (3) responden mestilah berumur 40 ke 60 tahun dan ke atas; (4) sihat jasmani dan rohani, termasuklah alat pendengarannya; (5) asal usul responden harus diusahakan dari tempat yang diteliti; (6) kemampuan responden mengenai bahasa dan dialeknya dengan baik; (7) dan responden juga mestilah lahir dan membesar di tempat kelahiran mereka (Wahid & Daud, 2018; Razali et al., 2018, 2020; Tangaprabu et al., 2019a).

Pengkaji mula menerapkan pendekatan semantik inkuisitif dalam analisis tahap yang ketiga. Pada peringkat ini jawapan di kumpul untuk mendapatkan analisis yang konkrit dan persoalan kenapa akan dijawab. Penerokaan pada tahap ini seterusnya dapat mengaitkan peribahasa tersebut dengan akal budi masyarakat Iban. Pada peringkat ini juga pengkaji tidak hanya memberikan penjelasan dan huraian pada pandangan bidang linguistik sahaja bahkan pengkaji turut memasukkan ilmu dan pengetahuan daripada bidang lain (multidisiplin) misalnya bidang sains pemakanan, agama dan sebagainya dalam mencungkil persoalan yang timbul.

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN

### Data 1: *Puni taju tedung taju remaung*

Jadual 1: Analisis makna peribahasa *Puni taju tedung taju remaung* peringkat semantik skrip

No.	Peribahasa	Makna	Imej haiwan	Kumpulan haiwan
1	<i>Puni taju tedung taju remaung</i>  Terjemahan gramatis: Kempunan umpan tedung umpan kucing hutan ( <i>Felis spp.</i> )	Seorang perempuan yang sudah bertunang atau ditinggalkan cincin.  Lelaki lain tidak boleh mengganggunya dan akan ditimpa kesusahan sekiranya mengganggu hubungan tersebut	Ular tedung	Reptilia

Dalam analisis tahap 1, *sempama jaku Iban 'puni taju tedung taju remaung'* akan diterjemahkan secara harfiah. *Puni* bermaksud kempunan apabila diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dan menurut Kamus Iban-Melayu Dewan Edisi Kedua (2016), *puni* didefinisikan sebagai terdedah kepada atau mengalami bencana kerana menolak tawaran (makanan, minuman dan lain-lain) sebelum melakukan sesuatu kerja. *Taju* bermaksud umpan seperti buah langsung, buah rambutan, telur ayam, cincin, gelang tembaga, lembu dan sebagainya yang dipasang oleh remaung, buaya, *antu* untuk memerangkap manusia dan sesiapa yang mengambilnya akan kempunan atau meninggal dunia (Bup Sereba Reti Jaku Iban, 2011). *Tedung* pula membawa maksud ular tedung dalam bahasa Melayu. *Tedung* diertikan sebagai nama umum bagi spesies ular berbisa yang akan melebarkan bukaan kepalanya apabila ia cuba untuk melawan atau mempertahankan dirinya (Bup Sereba Reti Jaku Iban, 2011). Menurut definisi yang dikemukakan oleh Bup Sereba Reti Jaku Iban (2011), *remaung* ialah sejenis binatang buas yang menyerupai kucing hutan akan tetapi saiznya lebih besar.

Maka, jika dilihat dari segi semantik skripnya, *sempama jaku Iban* ini bermaksud seorang perempuan yang sudah bertunang, ditinggalkan cincin atau mempunyai hubungan yang serius dengan pasangannya. Lelaki lain tidak

boleh merosakkan hubungan tersebut kerana dikhuatiri akan ditimpa kesusahan atau bala sekiranya mengganggu hubungan yang telah terjalin. Walaubagaimanapun, makna pada peringkat ini belum cukup untuk menyatakan maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh masyarakat Iban melalui *sempama jaku Iban* ini.

Makna pada peringkat semantik skrip tadi perlu dianalisis dengan lebih mendalam lagi pada satu tahap yang kedua iaitu semantik resonans. Dalam peringkat ini, *sempama jaku Iban* ini akan diterjemahkan secara literal. Puni taju tedung taju remaung diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu ialah ‘kempunan umpan tedung umpan remaung’.

Puni dikategorikan sebagai kata adjektif yang menerangkan tentang keadaan seseorang yang terdedah kepada pelbagai bentuk bahaya kerana menolak tawaran yang amnya berupa makanan dan minuman sebelum melakukan sesuatu kerja. Dalam masyarakat Iban, orang yang puni tersebut tidak boleh pergi ke tempat lain terutamanya kawasan sungai kerana ia merupakan tempat kediaman buaya. Apabila seseorang berada dalam keadaan puni, buaya tersebut akan melihat orang tersebut sebagai binatang yang selalu menjadi makanannya dan akan menyerangnya dan memakannya. Keadaan puni ini boleh dielakkan dengan cara menyentuh makanan, minuman atau tawaran tersebut dengan menyentuhnya dan menyebut ‘daki ini’, sebagai tanda hormat dan berterima kasih kerana sudah sudi menawarkan makanan atau minuman tersebut.

Taju direfleksikan sebagai umpan yang digunakan oleh makhluk halus atau ‘antu’ untuk memerangkap mangsa. Umpan yang digunakan biasanya berbentuk tumbuhan yang boleh dimakan misalnya buah rambutan, buah langsung yang tumbuh di dalam hutan dan dijumpai secara tiba-tiba. Selain itu, umpan ini juga boleh berupa perhiasan seperti cincin, gelang emas, perhiasan bagi pakaian tradisional Iban seperti sugu tinggi, marik empang yang boleh menarik perhatian manusia untuk menyentuh dan mengambilnya. Penemuan taju dalam kedua-dua sifat tersebut dianggap tidak masuk akal lebih-lebih lagi sekiranya ia berbentuk perhiasan dan bagi sesiapa yang mengesyaki ia adalah taju, mereka tidak akan menyentuh dan mengambilnya kerana ia akan mengundang bahaya dan boleh membawa maut.

Dari sudut akal budi masyarakat Iban telah menceritakan bahawa taju ini selalu dijumpai sewaktu masyarakat Iban pergi memburu atau masuk ke dalam hutan. Penemuan ini dianggap tidak masuk akal kerana pada zaman dahulu, masyarakat Iban jarang masuk ke hutan menggunakan perhiasan dan jarang menanam buah-buahan di tempat yang tidak berpenghuni lebih-lebih lagi di dalam hutan yang tebal. Penyataan ini disokong oleh Bup Sereba Reti Jaku Iban (2011) yang menyatakan bahawa taju remaung merupakan buah-buahan yang muncul atau wujud secara tiba-tiba di dalam hutan tanpa diketahui siapa yang menanamnya dan ia tidak boleh disentuh sama sekali kerana barang siapa yang menyentuhnya akan dijejaki oleh remaung kerana taju tersebut merupakan umpan atau perangkap yang digunakannya untuk memerangkap mangsa.

Bup Sereba Reti Jaku Iban (2011) turut menyenaraikan beberapa jenis ular tedung. Antaranya ialah tedung Cobra naia naia, tedung belalang atau Hamadryad or King Cobra – naia Hannah yang merupakan ular tedung yang paling berbisa, tedung tiang, tedung kenyali, tedung senduk, tedung kumbang, tedung tendai, tedung riang, tedung belau, tedung kasa, tedung selat, tedung kerisi dan tedung bulan (Tuniyey et al., 2020). Menurut cerita yang disampaikan oleh masyarakat Iban pada zaman dahulu, seseorang yang dipatuk tidak boleh dipegang atau disentuh kerana ular tedung yang mematuknya akan datang kembali untuk mencarinya. Menurut Lim (1979), ular tedung pada kebiasaannya, bersifat malas, kurang bergerak dan perlahan dalam pergerakan akan tetapi ia boleh bergerak dengan sangat cepat dan bersifat agak agresif sekiranya diganggu. Patukan ular tedung adalah sangat berbisa dan

berbahaya dan boleh menyebabkan kematian sekiranya tidak dirawat dengan kadar yang segera. Lim (1979) turut menyatakan bahawa semua spesies ular tedung yang terdapat di Malaysia kebiasaannya akan menyuntikkan racun atau bisa dengan ketepatan jarak dari 1.6 meter dan sekiranya bisa tersebut terkena luka yang terbuka atau bahagian mata, ia boleh menjadi sangat memudaratkan. Patukan ular tedung merupakan kes yang jarang berlaku di Malaysia akan tetapi kadar kematian adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan kadar kematian apabila seseorang tersebut dipatuk oleh ular spesies lain (Lim & Abu Bakar, 1970). Ular tedung boleh dijumpai di pelbagai tempat sama ada di dalam hutan atau di habitat yang didiami oleh manusia. Dalam masyarakat Banjar imej perlambangan ular dikelaskan sebagai elemen kelemahan (Muhammad Zaid Daud, Nurfatin Hanani Wahap, & Muhammad Nurikhwan Lokman, 2018).

Nama saintifik bagi remaung ialah *Felis spp.* Dalam Bup Sereba Reti Jaku Iban (2011), empat jenis spesies remaung yang dinyatakan ialah remaung bintang, remaung dan, remaung kumbang dan remaung raras. Remaung merupakan salah satu spesies kucing hutan. Haiwan ini biasanya keluar memburu pada waktu malam dan mereka mempunyai kebolehan untuk memanjat pokok oleh kerana mempunyai kuku yang tajam. Sifat ini direfleksikan kepada seorang lelaki yang cuba mempertahankan haknya yakni wanita yang dimilikinya sama ada tunang atau isterinya dan tidak akan melakukan tindakan yang terburu-buru misalnya menyerang orang lain tanpa sebab yang kukuh.

Umpan yang dipasang oleh ular tedung dan remaung tersebut pula dianalogikan sebagai nafsu yang menguasai hati dan fikiran setiap manusia dan ia akan mendatangkan musibah dan keburukan jika tidak dapat dikawal dengan sebaik-baiknya. Keadaan ini dapat disamakan dengan seseorang yang tidak mampu mengawal kehendak serta nafsunya untuk memiliki wanita yang sudah menjadi milik orang lain serta berkeras untuk mengganggu hubungan tersebut.

Pembuktian linguistik yang ditemui melalui data korpus turut memperlihatkan serta menyerlahkan penggunaan sempama jaku Iban ‘puni taju tedung taju remaung’ yang berkonsepkan ‘sifat tidak menghormati hubungan lain dan tidak dapat mengawal nafsu membawa kepada musibah.’ Berikut merupakan contoh data korpus bagi sempama jaku Iban ‘puni taju tedung taju remaung’.

Penggunaan *sempama jaku Iban* dalam ayat bahasa Iban:

Kati ku Igat berani ngasuh indai iya nukuka indu nya. Enda iya nemu indu nya udah  
 \*\*\***puni taju tedung taju remaung**\*\*\* udah ditinggalka orang tinchin. Apin lama iya ke  
ditanya orang laki ke ngampar diau ba aya tuai rumah.

Sumber: (Casper, Sempama Jaku Iban, Siwa, 2010)

Terjemahan dalam bahasa Melayu:

Tidak sangka bahawa Igat berani meminta ibunya untuk merisik gadis itu. Dia belum tahu bahawa perempuan tersebut telah \*\*\***puni taju tedung taju remaung**\*\*\* dan sudah ditinggalkan cincin. Perempuan itu telah dirisik oleh seorang lelaki yang telah lama menumpang di bilik ketua kampung.

Rangka Rujuk Silang membantu pendengar menginterpretasikan makna implisit dengan lebih baik (Abdullah & Daud, 2020; Daud et al., 2021). Berdasarkan ayat di atas, frasa ‘sudah ditinggalkan cincin’ menunjukkan status hubungan perempuan tersebut yang dianggap sudah bertunang. Frasa ini telah dirujuksilangkan dengan sempama jaku Iban ‘puni taju tedung taju remaung’ yang memberi gambaran yang jelas bahawa perempuan tersebut sudah dimiliki oleh orang lain dan tidak baik kiranya hubungan tersebut diganggu oleh orang lain meskipun kehendak untuk memiliki perempuan tersebut begitu kuat. Frasa tersebut dikukuhkan lagi oleh frasa ‘perempuan itu telah dirisik’ yang menyerlahkan lagi status yang dipegang oleh perempuan tersebut sebagai tunangan orang. Situasi dalam ayat ini jelas menunjukkan bahawa sesuatu hubungan yang telah sah tidak seharusnya diganggu kerana ia akan mendatangkan kemudaratan. Keadaan ini disamakan dengan seorang lelaki yang boleh melakukan apa sahaja sekiranya mengetahui bahawa perempuan yang dimilikinya diganggu oleh orang lain termasuklah mengancam seseorang agar tidak meneruskan niat tersebut.

Bagi memperlihatkan lagi konteks dan makna yang ingin disampaikan oleh penutur analisis pada tahap ini belum cukup untuk merungkai akal budi masyarakat Iban dalam penggunaan sempama jaku Iban ‘puni taju tedung taju remaung’ ini. Persoalan seperti ‘mengapa hubungan yang sah disamakan dengan taju tedung dan taju remaung’ belum terjawab dalam analisis tahap ini. Maka, akal budi masyarakat Iban dalam penggunaan sempama jaku Iban ini akan dirungkai dalam analisis tahap tiga, iaitu analisis semantik inkuisitif.

Masyarakat Iban begitu menekankan sifat menghormati hak milik orang lain sama ada hubungan atau sesuatu yang telah sah menjadi milik orang lain (Muhammad Zaid Daud et al., 2017; 2018). Sekiranya seseorang itu tahu bahawa perempuan yang disukainya tersebut telah mempunyai, tindakan seperti mengawal nafsu agar tidak terus menginginkan perempuan tersebut harus diambil kerana ia boleh membahayakan kedua-dua pihak. Dari sudut akal budi masyarakat Iban, peristiwa pemburu yang sering masuk ke dalam hutan untuk memburu binatang yang menjumpai barang-barang perhiasan, buah-buahan yang masak dengan ranum pernah terjadi dan barang sesiapa yang mempunyai keberanian untuk mengambil ‘umpan’ tersebut akan ditimpa musibah termasuklah kematian. Hal ini mengajar masyarakat Iban untuk tidak mudah terpengaruh dengan sesuatu yang kelihatan boleh memberikan kegembiraan atau kesenangan akan tetapi pada hakikatnya ia merupakan sesuatu yang boleh mendatangkan impak yang buruk.

Pemburu yang telah terbiasa dengan keadaan demikian tidak akan berani untuk menyentuh dan mengambil barang tersebut. Informan turut menyatakan bahawa dalam spesis ular, tiada ular yang lebih berbisa daripada ular tedung meskipun ia jarang ditemui dan jarang menyerang. Dalam *sempama jaku Iban* ini, ular tedung tersebut tidak memaparkan imej yang negatif kerana ia tidak menyerang sekiranya tidak berada dalam keadaan yang terancam atau diganggu. Hubungan yang telah sah tersebut dianggap sebagai ikatan suci dan ajaran ini turut diberikan penekanan dalam ajaran Kristian dan dipegang oleh masyarakat Iban yang menganuti agama Kristian. Berikut merupakan baris injil yang menekankan bahawa ikatan hubungan yang sah itu tidak boleh diganggu dengan apa cara sekalipun;

“9 Kerana itu, apa yang telah dipersatukan Allah, tidak boleh diceraikan manusia.” (Matius 10: 9)

Baris injil di atas dengan jelas menerangkan bahawa ikatan yang telah sah sama ada pertunangan atau perkahwinan tidak seharusnya ‘diceraikan’ oleh manusia kerana ia bertentangan dengan ajaran agama Kristian. Padah atau impak buruk yang diterima pula dianalogikan sebagai patukan ular tedung yang amat berbisa dan mangsa akan berdepan dengan kadar kematian yang agak tinggi. Taju tedung dan taju remaung merupakan umpan



yang dipasang oleh kedua-dua binatang tersebut bagi memerangkap mangsa dan ia dapat dicerminkan kepada sesuatu yang dimiliki oleh orang lain dan juga nafsu yang mengawal seseorang. Ia dikaitkan dengan nafsu kerana ia merupakan ‘perangkap’ yang menarik orang ke dalam musibah. Merujuk kepada ayat dalam injil di bawah;

“22 sebab itulah jauhi nafsu orang muda, kejarlah keadilan, kesetiaan, kasih dan damai bersama-sama dengan mereka yang berseru kepada Tuhan dengan hati yang murni.” (Timotius 2: 22)

Berdasarkan baris Injil tersebut, nafsu merupakan sesuatu yang dijauhi dan seharusnya dikawal dengan sebaik-baiknya agar tidak menimbulkan sebarang kejadian yang boleh merosakkan pada masa hadapan. Selain itu, sifat setia juga menjadi penekanan dan fokus dalam ayat Injil tersebut kerana ia boleh mewujudkan damai serta perhubungan yang penuh dengan berkat.

**Data 2: *Lelabi makai gaji tekura nerima upah***

Jadual 2: Analisis makna peribahasa *Lelabi makai gaji tekura nerima upah* peringkat semantik skrip

No.	Peribahasa	Makna	Imej haiwan	Kumpulan haiwan
1	<i>Lelabi makai gaji tekura nerima upah</i> Terjemahan gramatis: Labi-labi makan gaji, kura-kura menerima upah	Mendapat keuntungan atau nama atas usaha yang dilakukan oleh orang lain	i. Labi-labi ii. Kura-kura	Reptilia

Bup Sereba Reti Jaku Iban (2011) mendefinisikan lelabi sebagai sejenis haiwan reptilia yang mempunyai cangkerang yang keras, tinggal di dalam air dan selalu menimbus pasir pada bahagian air yang cetek. Makai pula merujuk kata kerja yang bermaksud makan dalam bahasa Melayu.

Kamus Iban-Melayu Dewan Edisi Kedua (2016) mendefinisikan makai sebagai makan, mengunyah dan menelan makanan serta menipu, tidak jujur. Perkataan makai mempunyai dua definisi yang berbeza dan mengikut konteks yang tersendiri. Gaji diertikan sebagai upah yang tetap, bayaran yang tetap untuk sesuatu pekerjaan (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015). Upah pula membawa maksud wang atau barangan lain yang diberikan kepada orang yang menerima arahan untuk mengerjakan sesuatu; bayaran pembalas jasa atau ganjaran buat tenaga yang telah digunakan (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015). Tekura jika diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu ialah kura-kura dan ia bermaksud sejenis binatang reptilia yang mempunyai cangkerang yang keras di belakangnya dan dapat hidup di dalam air dan juga di darat. Perkataan nerima merupakan kata yang mempunyai makna yang sama dengan menerima dalam bahasa Melayu. Kamus Iban-Melayu Dewan Edisi Kedua (2016) mendefinisikan nerima sebagai mengambil atau mendapat suatu yang diberikan.

Makna dan analisis pada tahap ini belum dapat merungkai makna sebenar dalam sempama jaku Iban ‘lelabi makai gaji, tekura nerima upah’ yang ingin disampaikan oleh penutur.

Dalam analisis tahap ini, pengkaji akan merungkai makna ujaran sempama jaku Iban ‘lelabi makai gaji,

tekura nerima upah' akan dijelaskan dan maklumat kognitif dan falsafah masyarakat Iban akan dicungkil dan dikaitkan dengan sempama jaku Iban lelabi makai gaji, tekura nerima upah'. Terjemahan secara literal sempama jaku Iban ini ialah lelabi makan gaji, kura-kura menerima upah. Kura-kura dan labi-labi merupakan dua spesies reptilia yang berbeza dari segi sifatnya meskipun kedua-dua spesies tersebut dikelaskan ke dalam kelompok reptilia. Kura-kura dan labi-labi mempunyai sifat fizikal yang berbeza iaitu cangkerang kura-kura lebih berat jika dibandingkan dengan labi-labi dan kura-kura tidak mempunyai selaput renang pada kaki seperti yang dimiliki oleh labi-labi.

Kura-kura lebih banyak menghabiskan masa di darat manakala labi-labi lebih banyak menghabiskan masa di dalam air. Leher labi-labi pula lebih panjang jika dibandingkan dengan kura-kura dan hidung labi-labi lebih panjang berbanding kura-kura. Makanan utama bagi kura-kura ialah tumbuh-tumbuhan seperti kangkung, sawi, rumput liar, buah dan sebagainya. Sebahagian daripada kura-kura memakan serangga kecil seperti cacing tanah, ulat, siput atau serangga. Makanan bagi labi-labi pula berupa siput dan pelbagai jenis haiwan moluska yang lain dan cangkerang siput atau haiwan moluska tersebut dipecahkan dengan menggunakan rahangnya yang kuat.

Sifat reptilia kedua-dua haiwan ini dijadikan simbolik oleh masyarakat Iban sebagai dua spesies yang berada dalam kelas yang sama akan tetapi mempunyai ciri-ciri yang berbeza sama ada dari segi cara hidup, sifat fizikal atau pemakanannya.

Sempama jaku Iban ini secara jelas dimotivasikan oleh kedua spesies reptilia yang kelihatan agak serupa akan tetapi ia ternyata berbeza dari pelbagai aspek. Meskipun kedua-duanya mampu tinggal di darat atau di dalam air, pembahagian tempoh masa bagi tempat tinggal tersebut adalah berbeza. Kura-kura lebih banyak menghabiskan masanya di darat berbanding labi-labi yang lebih banyak menghabiskan masanya di dalam air. Cangkerang labi-labi juga lebih lembut jika dibandingkan dengan cangkerang kura-kura yang lebih keras dan lebih berat. Perbezaan sifat pada kedua-dua spesies ini menyebabkan masyarakat Iban menganalogikannya kepada spesies yang sama yakni manusia yang mempunyai sikap yang berbeza yang akhirnya membawa kepada pelbagai situasi yang berbeza sama ada dari segi penerimaan sosial dan sebagainya.

Pembuktian linguistik yang ditemui melalui data korpus turut memperlihatkan serta menyerlahkan penggunaan sempama jaku Iban 'lelabi makai gaji, tekura nerima upah' yang berkonsepkan 'perbezaan antara dua kelompok yang sama yang membawa kepada penerimaan yang berbeza dalam situasi sosial.' Berikut merupakan contoh data korpus yang bagi sempama jaku Iban 'lelabi makai gaji, tekura nerima upah' yang menyerlahkan 'seseorang yang mendapat keuntungan daripada usaha orang lain' sebagai teras maknanya.

Penggunaan *sempama jaku Iban* dalam ayat bahasa Iban:

Kitai sebuat tadi lebu<sup>h</sup> ke ngereja pengawa enda ngira lelak amat meh pengawa nya mujur  
dikereja tang enda mukai-mukai sekeda ari kitai ke nemu ngangkat ke diri empu nya ke  
tampak nama ba orang ke tuai. Kitai enda nyalah-nyalah baka \*\*\***lelabi makai gaji tang**  
**tekura nerima upah.\*\*\***

Sumber: (Casper, Sempama Jaku Iban, Siwa, 2010)

Terjemahan dalam bahasa Melayu:

Kita tidak mengira penat lelah melakukan kerja tersebut sebentar tadi kerana inginkan hasil yang lumayan akan tetapi hanya sebahagian daripada kita yang lebih arif menonjolkan diri di mata orang tua yang dipuji. Kita ibarat **\*\*\*labi-labi makan gaji tetapi kura-kura menerima upah.\*\*\***

Berdasarkan ayat di atas, frasa ‘kita tidak mengira penat lelah melakukan kerja tersebut’ telah menunjukkan sikap mereka yang memberikan yang terbaik dalam apa yang mereka lakukan dan ayat ‘hanya sebahagian daripada kita yang lebih arif menonjolkan diri di mata orang tua yang dipuji’ telah menyerlahkan kekecewaan yang dirasakan oleh mereka apabila orang lain yang mendapat pujian kerana lebih pandai menonjolkan diri.

Ayat tersebut dirujusilangkan dengan sempama jaku Iban ‘lelabi makai gaji, tekura nerima upah’ yang mengukuhkan dan menyerlahkan lagi konteks ayat dan penggunaan sempama jaku Iban tersebut. Meskipun begitu, persoalan ‘mengapa kura-kura dan labi-labi dipilih untuk merefleksikan sifat manusia’ masih belum dirungkai dalam analisis peringkat ini.

Pengkaji akan menjawab persoalan kenapa dan mengapa labi-labi dan kura-kura dipilih serta dikaitkan dengan akal budi masyarakat Iban dalam sempama jaku Iban ini akan dijawab pada peringkat ini, iaitu peringkat SI. Menurut informan, kura-kura digambarkan sebagai haiwan yang begitu bijak dalam setiap cerita rakyat masyarakat Iban. Oleh yang demikian, kura-kura dicerminkan sebagai seorang yang bijak dalam menonjolkan diri untuk mendapat keuntungan yang lebih dalam perkara yang dilakukan.

Masyarakat Iban melihat kura-kura sebagai imej yang positif kerana kebijaksanaan yang dimiliki oleh kura-kura sering membantunya menyelesaikan pelbagai masalah. Meskipun berbadan lebih kecil jika berbanding dengan labi apabila ia sudah mencecah usia dewasa, kura-kura turut dilihat sebagai haiwan yang rajin kerana sering berkeliaran di daratan untuk mencari makanannya sendiri untuk meneruskan kehidupan. Meskipun cangkerang kura-kura lebih berat berbanding labi-labi, ia tidak menghalang kura-kura untuk bekerja dengan lebih gigih bahkan sifatnya yang tidak berhenti berjalan sehingga ia terhantuk pada akar pokok yang besar dijadikan contoh oleh setiap orang. Tambah informan, meskipun labi mempunyai kelebihan berenang jika berbanding kura-kura, haiwan ini kebiasaannya hanya menunggu makanan yang dijatuhkan ke dalam sungai dan jarang berusaha untuk mencari makanannya sendiri. Dalam peribahasa ini, masyarakat Iban membandingkan dua spesies haiwan dari kumpulan haiwan yang sama yakni reptilia akan tetapi mempunyai sifat yang berbeza. Hal ini memperlihatkan masyarakat Iban itu sendiri yang berasal dari spesies yang sama akan tetapi dibezakan oleh perlakuan dan juga cara hidup. Dalam sempama jaku Iban ini, kura-kura dilihat sebagai imej yang negatif kerana hanya mendapat keuntungan dari kerja yang dilakukan oleh labi-labi. Meskipun begitu, kebijaksanaannya dalam melakukan pelbagai perkara menyebabkannya beroleh kesenangan. Hal ini juga begitu sinonim dengan masyarakat yang memperoleh kesenangan kerana pandai menonjolkan diri terutamanya kepada orang atasan atau orang yang mempunyai pangkat yang lebih tinggi atau lebih berkuasa.

Jika dilihat dari dua perspektif yang berbeza, ia menghasilkan dua sudut pandang yang berbeza. Sudut pandang yang pertama ialah kebijaksanaan kura-kura tersebut telah menyebabkan dia lebih menonjol dan sudut pandang yang kedua ialah ia menyebabkan usaha yang dilakukan oleh labi-labi (orang lain) menjadi kurang dihargai dan kurang diberi perhatian.

Masyarakat Iban begitu menekankan sifat menghargai orang lain dan tidak mengambil keuntungan atas usaha orang lain. Hal ini boleh menimbulkan kebencian dan kemarahan orang lain kerana usaha yang mereka lakukan tidak dihargai dan hanya dipandang sebelah mata. Masyarakat Iban cuba menyampaikan nasihat dalam sempama jaku Iban ini dengan cara yang halus dan membolehkan pengkaji melihat ia dari dua sudut pandang yang berbeza. Meskipun boleh mendapat keuntungan dari usaha orang lain, ia boleh mengakibatkan kita tidak disukai oleh orang ramai (Ritos & Daud, 2020). Hal ini boleh mengakibatkan perhubungan kita dengan orang lain menjadi terjejas. Dalam bahasa Melayu, sempama jaku Iban ini memaparkan makna yang sama dengan peribahasa ‘lembu punya susu, sapi dapat nama’ yang menyerlahkan mesej seseorang yang beroleh keuntungan atau mendapat nama dari usaha yang lain. Keuntungan yang diperoleh hanyalah sementara kerana seseorang yang mendapat nama dari usaha orang lain kebiasaannya akan dipinggirkan oleh orang lain dan kehilangan ramai kawan.

Tambahan pula, ia merupakan saingan yang kurang sihat untuk mendapatkan sesuatu atau pencapaian. Kura-kura dan labi-labi turut mempunyai kelebihan dan kekurangannya yang tersendiri dan ia dianalogikan kepada bakat, kelebihan dan juga kekurangan dalam setiap manusia. Misalnya, sifat labi-labi yang lebih laju berenang boleh menyebabkannya mendapat makanan dengan mudah di dalam air berbanding kura-kura manakala cangkerang kura-kura yang lebih berat dan keras berbanding labi-labi menyebabkan ia lebih tahan kepada tekanan seperti hentakan dan sebagainya. Hal ini disamakan dengan sifat manusia dalam mengendalikan setiap kelebihan dan kekurangan yang dimilikinya. Sekiranya seseorang itu pandai mengendalikan kelebihannya, maka ia akan beroleh keuntungan dengan cara yang betul dan jika ia digunakan dengan cara yang salah, ia boleh menimbulkan impak yang kurang baik.

Oleh yang demikian, terserlah akal budi masyarakat Iban dalam sempama jaku Iban ini yang berkonsepkan ‘beroleh kesenangan dari usaha orang lain’. Masyarakat Iban menyampaikannya dengan makna yang tersirat dengan membandingkan dua spesies yang begitu dekat persamaannya dan mempunyai kelebihan dan kekurangan yang tersendiri.

**Data 3: *Tapang bisi rembia, lubuk diwan baya***

Jadual 3: Analisis makna peribahasa *Tapang bisi rembia, lubuk diwan baya* peringkat semantik skrip

No.	Peribahasa	Makna	Imej haiwan	Kumpulan haiwan
1	<i>Tapang bisi rembia, lubuk diwan baya</i> Terjemahan gramatis: Tapang ada rumbia, lubuk dihuni buaya	Perempuan yang sudah mempunyai sama ada bertunang atau berkahwin dan tidak boleh diganggu oleh lelaki lain	Buaya	Reptilia

Tahap awal peringkat kajian ialah peringkat semantik skrip. Dalam peringkat ini, terjemahan perkataan demi perkataan dilakukan dan maksud yang diperoleh hanya pada tahap permukaan sahaja. Makna perkataan demi perkataan bagi peribahasa di atas ialah tapang (pokok tapang) bisi (ada) rembia (hantu rembia), lubuk (lubuk) diwan (dijaga) baya (buaya). Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, tapang didefinisikan sebagai sejenis tumbuhan (pokok), medang sampan, mepelam rimba, *Artocarpus gomeziana*. Rembia pula menurut buku Bup Sereba Reti Jaku Iban diertikan sebagai hantu yang menjaga pokok tapang yang ada sarang lebah. Lubuk pula menurut Kamus

Dewan Edisi Keempat diertikan sebagai bahagian sungai atau laut yang dalam dan buaya pula merujuk kepada beberapa jenis binatang reptilia berkulit keras yang biasanya terdapat di sungai dan paya. Dalam masyarakat Iban, peribahasa ini juga boleh ditulis sebagai baka tapang diwan rembia, baka lubuk diwan baya.

Pengkaji mencungkil maklumat kognitif dan falsafah masyarakat Iban dan mengaitkannya dengan peribahasa yang dipilih. Tapang bisi rembia bermaksud pokok tapang yang dihuni oleh makhluk halus atau 'antu' yang digelar *rembia*. Menurut Connie Lim Keh Nie, Noria Tugang dan Hashim Awang (2015) dalam buku Antropologi dalam Budaya Tradisional Masyarakat Iban (Bab 7) menyatakan bahawa konsep antu dalam masyarakat Iban mempunyai pelbagai erti dan ia mempunyai kaitan dengan alam ghaib atau kuasa yang luar biasa. Oleh yang demikian, masyarakat Iban juga percaya bahawa pokok-pokok besar seperti pokok tapang dan juga pokok beringin juga mempunyai antu yang menghuninya. Pokok tapang digunakan dalam peribahasa ini kerana ia merupakan salah satu tempat untuk lebah bersarang dan ia dijaga oleh *antu rembia*. Menurut Juliza (2007), *baya* juga dipercayai mempunyai semangat buaya dan ia kadang-kadang dilihat menjelma menjadi manusia. Oleh itu, buaya dalam kaum Iban dianggap sebagai 'Tuhan sungai'.

Sifat reptilia buaya dan *antu rembia* ini dijadikan simbolik oleh masyarakat Iban sebagai bala yang akan menimpa seseorang yang mengganggu hubungan orang lain. Peribahasa ini secara jelas dimotivasikan oleh keadaan bahaya yang ditunjukkan oleh rembia dan buaya apabila diganggu dan didekati. Penilaian masyarakat Iban terhadap pokok tapang yang terdapat madu dan pada masa yang sama dijaga oleh *antu rembia* menyebabkan masyarakat Iban menganalogikannya sebagai perempuan yang sudah berpunya dan sudah ada penjaga (orang yang memiliki perempuan tersebut) yang berhak untuk melindungi perempuan tersebut. *Antu rembia* dianalogikan sebagai lelaki yang mempunyai ikatan dengan perempuan tersebut kerana sesiapa yang mengambil madu di atas pokok tapang yang dihuni rembia akan ditimpa bahaya. Sifat buaya yang ganas dan protektif dalam menjaga telurnya pula dianalogikan sebagai lelaki yang bertanggungjawab untuk menjaga perempuan yang dimilikinya dan disamakan dengan tindak balas buaya yang mengamuk dan menyerang sekiranya diganggu dan masuk ke tempat ia bertelur.

Pembuktian linguistik yang ditemui melalui data korpus turut memperlihatkan serta menyerlahkan penggunaan sempama jaku Iban 'tapang bisi rembia, lubuk diwan baya' yang berkonsepkan 'menghormati hubungan atau ikatan orang lain'. Berikut merupakan contoh data korpus bagi sempama jaku Iban 'tapang bisi rembia, lubuk diwan baya' yang menyerlahkan 'menghormati hubungan atau ikatan orang lain' sebagai teras maknanya.

Penggunaan *sempama jaku Iban* dalam ayat bahasa Iban:

Nyadi bala kita ke nanya endu tu diambi ke menantu kita enda salah laban kita dipelaba aku  
 enda nemu iya udah ditunang orang bujang ngelamatu. Tu ke seminggu iya udah disuaka  
tinchin enggai nyadi ga kami ke empu anak dara nerima tinchin ari kita. Endu tu sempama  
 baka \*\*\*tapang bisi rembia, lubuk diwan baya.\*\*\*

Sumber: (Casper, Sempama Jaku Iban, Siwa, 2010)

Terjemahan dalam bahasa Melayu:

Kedatangan kalian untuk merisik *endu* ini bukanlah sesuatu yang salah kerana kalian belum tahu bahawa dia sudah bertunang. Dia telah bertunang seminggu dan telah ditinggalkan cincin dan kami tidak dapat menyambut cincin dari kalian. Endu ini kini diibaratkan seperti \*\*\***tapang ada rembia, lubuk dihuni buaya**\*\*\*

Berdasarkan ayat berikut, frasa ‘telah bertunang’, ‘ditinggalkan cincin’ serta frasa ‘tidak dapat menyambut cincin’ merupakan maklumat tambahan yang dirujuksilangkan dengan sempama jaku Iban ‘tapang bisi rembia, lubuk diwan baya’. Situasi dalam ayat ini jelas menunjukkan perempuan yang bernama Endu yang telah ditunangkan dengan lelaki lain dan keluarga dari pihak perempuan (Endu) terpaksa menolak cincin daripada keluarga lelaki yang datang untuk merisikinya.

Dalam ayat tersebut, hubungan pertunangan Endu ditekankan oleh pihak keluarganya bahawa ia telah sah dan tidak dapat diganggu dengan menolak cincin dari pihak lelaki tersebut. Ayat di atas secara jelasnya menunjukkan bahawa pokok tapang yang dihuni oleh *antu rembia* dan lubuk sungai yang dihuni oleh buaya merupakan perlambangan kepada Endu yang sudah mempunyai tunang, yakni bakal suami, laki-laki yang telah mengikat perjanjian untuk menjadi suami (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015).

Soalan mengapa dan kenapa buaya dipilih serta dikaitkan dengan akal budi masyarakat Iban dalam peribahasa ini akan dijawab pada peringkat ini, iaitu peringkat semantik. Dalam masyarakat Iban, sifat menghormati hubungan orang lain terutamanya yang telah sah amat ditekankan. Hal ini dapat dilihat melalui mesej yang disampaikan dalam sempama jaku Iban ‘tapang bisi rembia, lubuk diwan baya’ ini. Sesiapa yang ingin mendapatkan madu lebah tersebut, mereka perlu memuja penunggu antu rembia tersebut dan sekiranya mereka gagal berbuat demikian, mereka akan ditimpa kemalangan atau musibah. Ini menjelaskan bahawa lebah yang terdapat pada pokok tapang tersebut diibaratkan sebagai perempuan yang dijaga dengan ketat oleh antu rembia. Antu rembia pula disamakan dengan suami yang telah mempunyai ikatan yang sah dengan perempuan tersebut dan bertanggungjawab untuk menjaga perempuan tersebut. Baka lubuk diwan baya pula membawa maksud bahagian sungai yang dalam dihuni oleh buaya. Lubuk merupakan kawasan sungai yang paling dalam yakni tidak dapat dilihat dasar sungai tersebut. Buaya merupakan binatang reptilia yang berkulit keras, bertubuh besar serta panjang yang biasa tinggal di sungai, danau, paya dan sebagainya. Binatang ini mempunyai rahang yang sangat kuat dan besar. Mulut buaya yang telah ditutup amat sukar dibuka dan pada musim bertelur, reptilia ini bersifat agresif dan mudah menyerang haiwan-haiwan yang lain dan juga manusia. Pada musim ini, buaya amat ganas dalam penjagaan sarang dan telur-telurnya. Oleh itu, sifat buaya yang begitu ketat dalam mengawal sarang dan telurnya diibaratkan oleh masyarakat Iban seperti seorang lelaki yang akan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mempertahankan haknya yakni isteri atau perempuan yang telah dimilikinya. Dalam peribahasa ini, lubuk dikaitkan dengan perempuan kerana pada masa dahulu, masyarakat Iban tidak berani untuk pergi ke lubuk sekiranya mereka tahu buaya mendiami kawasan tersebut kerana takut diserang. Dari segi nahu, ‘lubuk’ kini boleh menjadi predikat seperti ungkapan ‘lubuk diwan baya’. Dalam ungkapan ini, ‘lubuk’ disamakan dengan perempuan yang telah berpunya atau bersuami yang tidak boleh diganggu kerana ada penjaganya.

Menurut informan, semua kehidupan di dunia mempunyai roh. Ini termasuk juga lebah yang hidup di pokok tapang dan juga buaya. Pokok tapang yang dijaga oleh rembia (dikenali sebagai semangat manyi dalam bahasa Iban) dipercayai terdapat madu lebah yang banyak. Rembia diumpamakan seperti penjaga kepada madu

yang dihasilkan oleh lebah tersebut dan masyarakat Iban yang ingin mendapatkan madu lebah tersebut perlu melakukan ritual atau upacara penyembahan yang dikenali sebagai ‘nimang tapang’ untuk ‘meminta’ madu tersebut daripada rembia agar madu tersebut dapat diperolehi.

Tambahan pula, buaya pula diibaratkan sebagai roh yang menjaga lubang sungai tersebut. Penjelasan ini dapat menyimpulkan bahawa ‘sesuatu’ yang telah dimiliki atau dijaga oleh pihak lain tidak boleh diambil dengan sesuka hati dan pihak yang menjadi orang ketiga dan salah satu pihak (lelaki atau perempuan) yang memulakan atau menjadi penyebab keretakan hubungan yang telah sah mengikut adat sama ada bertunang atau berkahwin akan dikenakan denda (dikenali sebagai ditinggang ukum dalam masyarakat Iban) berdasarkan tahap kesalahan yang dilakukan di belakang pasangan bersama dengan orang lain yakni curang terhadap pasangan. Perlakuan yang mencurangi pasangan yang telah mempunyai ikatan yang sah dikenali sebagai butang. Dalam masyarakat Iban, terdapat tujuh (7) jenis butang dan setiap jenis butang tersebut mempunyai hukuman atau denda yang berbeza. Berdasarkan buku Adat Iban 1993, tujuh jenis butang termasuklah beturut butang, butang besangkung, butang ngambu, butang ngeladang, butang rangkai, ngemulu antu atau butang antu dan butang tinchin.

Hal ini demikian bertitik tolak daripada sifat menghormati hubungan yang telah terjalin antara suami isteri dan sekiranya mengganggu hubungan tersebut, sesuatu yang buruk akan menimpa pihak ketiga tersebut. Ajaran ini juga turut ditulis dan dibukukan dalam Injil atau Alkitab orang Kristian:

“17. Jangan mengingini rumah sesamamu; jangan mengingini isterinya, atau hamba laki-laki, atau hambanya perempuan, atau lembunya atau keledainya, atau apapun yang dipunyai sesamamu.” (Keluaran 20: 17).

Ajaran ini begitu ditekankan dalam Kristian kerana perkahwinan itu dilihat sebagai ikatan kudus dan sangat suci antara seorang lelaki dan seorang wanita. Perceraian dalam agama Kristian tidak diiktiraf sama sekali dan seorang lelaki hanya boleh berkahwin sekali sahaja seumur hidup dan begitu juga dengan wanita (Tamimi, 2021). Perkahwinan dalam agama Kristian pada asasnya berbentuk monogami dan segala bentuk kecurangan dalam hubungan perkahwinan hendaklah dikecualikan. Dalam erti kata lain, meskipun perceraian akan memberi kesan baik kepada pasangan tersebut, namun ia akan memberikan kesan yang buruk kepada anak-anak di mana ia hanya akan merosakkan anak-anak.

Maka yang demikian, peribahasa tapang bisi rembia, lubang diwan baya ini begitu ditekankan dalam memberi ajaran kepada masyarakat agar menghormati hubungan perkahwinan yang telah terjalin dan tidak mengganggunya.

## **KESIMPULAN**

Kajian yang dilakukan adalah bertitik tolak dari pernyataan yang dikemukakan oleh Chemaline (2017) yang menyatakan bahawa penulisan seperti penulisan akademik mengenai peribahasa dalam bahasa Iban adalah kurang jika dibandingkan dengan bangsa lain kerana kurangnya masyarakat Iban dalam bidang akademik. Maka, kajian ini dapat menambah bilangan penulisan akademik yang mengkaji mengenai sempama jaku Iban yang digunakan oleh masyarakat Iban. Kajian ini turut menambah bilangan kajian semantik inkuisitif dan memberi fokus kepada peribahasa dalam bahasa sukuan iaitu peribahasa dalam bahasa Iban. Kajian yang dilakukan turut dikaitkan dengan

multidisiplin yang lain misalnya agama, sains dan sebagainya bagi meneliti dengan lebih dalam faktor pemilihan imej mamalia dan reptilia yang digunakan dalam sempama jaku Iban. Kajian ini turut boleh digunakan bagi tujuan akademik terutamanya dalam subjek bahasa Iban dan juga dalam bidang semantik atau dalam erti kata lain ia dapat dijadikan bahan rujukan dalam penyampaian ilmu dan juga pengajaran.

## RUJUKAN

- Abdullah, N. A., & Daud, M. Z. (2020). Pemaknaan semula sinonim leksikal “nepotisme” berteraskan data korpus: Analisis pragmatik. *LSP International Journal*, 7(1), 61-79.
- Balveen Kaur, & Mary Fatimah Subet. (2019). Ironi dalam bahasa kiasan Punjabi: Analisis semantik inkuisitif. *Trends in Undergraduate Research*, 2(1), 1-7.
- Casper Kayong Umping. (2011). *Bup Sempama Iban*. Tun Jugah Foundation.
- Chemaline Osup. (2017). *Chabar Ti Ditapi Dalam Pengawa Ngerembai Sereta Nyungkakka Jaku Iban Nyadi “Jaku Tinggi”*, Kertas persidangan yang dibentangkan Prosiding Konferen Entarabangsa Jaku Iban Enggau Etnografi. Miri, Sarawak.
- Connie Lim Keh Nie, Noria Tugang, & Hashim Awang. (2015). *Antropologi budaya tradisional masyarakat Iban*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Daud, M. Z., Subet, M. F., Pawi, A. A. A. (2021, September 8-9). “Aduhai malangnya Pak Kaduk, ayamnya menang kampung tergadai” sebagai manifestasi kritikan dalam kancah politik tempatan: Analisis pragmatik. Kertas persidangan yang dibentangkan The 3rd International Conference on Language Studies (iCLS2021), Kuching, Sarawak.
- Diele-Viegas, L. M., & Rocha, C. F. D. (2018). Unraveling the influences of climate change in Lepidosauria (Reptilia). *Journal of Thermal Biology*, 78(1), 401-414.
- Fathinia, B., Rastegar-Pouyani, E., Rastegar-Pouyani, N., & Darvishnia, H. (2017). A new species of the genus *Rhynchocalamus* Günther, 1864 (Reptilia: Squamata: Colubridae) from Ilam province in western Iran. *Zootaxa*, 4282(3), 473-486.
- Hamid, M. A. A. (2004). *EQ: panduan meningkatkan kecerdasan emosi*. PTS Professional.
- Juliza anak Kennedy. (2007). *Khazanah warisan Masyarakat Etnik Iban di Sarawak: Satu kajian dokumentasi harta Intelek*. [Project Report] (Unpublished).
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2015). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Iban - Melayu Dewan: Edisi Kedua*. (2016). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lim, B. (1979). *Poisonous snakes of Peninsular Malaysia*. Malayan Nature Society.
- Mary Fatimah Subet, & Mohd Ridzuan Md Nasir. (2019). Analisis semantik inkuisitif peribahasa Bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 16(2), 227-253.



- Moon, B. C. (2019). A new phylogeny of ichthyosaurs (Reptilia: Diapsida). *Journal of Systematic Palaeontology*, 17(2), 129-155.
- Muhammad Zaid Daud, Nurul Aida Abdullah, & Mary Fatimah Subet. (2021). Refleksi sisi negatif burung gagak dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Issues in Language Studies*, 10(2), 24-44.
- Muhammad Zaid Daud, & Mary Fatimah Subet. (2019a). Ayam (gallus gallus domesticus) dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Kemanusiaan*, 17(1), 36-42.
- Muhammad Zaid Daud, & Mary Fatimah Subet. (2019b). “Sudah tidak tersudu oleh angsa, baru diberikan kepada itik”: Perspektif semantik inkuisitif dan akal budi Melayu. *Jurnal Melayu Sedunia*, 2(1), 37-62.
- Muhammad Zaid Daud, & Mary Fatimah Subet. (2019c, October). *Elemen perlambangan unggas dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif*. Poster session presented at Hari Terbuka Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- Muhammad Zaid Daud, & Mary Fatimah Subet. (2019d). Slanga dan simbol tumbuhan dalam komunikasi lisan masyarakat Melayu: Pendekatan semantik inkuisitif. *Jurnal Pengajian Melayu*, 30(1), 108-136.
- Muhammad Zaid Daud, & Mary Fatimah Subet. (2021a). Naratif Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang mempertalikan politik tempatan: Analisis pragmatik. *Issues in Language Studies*, 10(1), 110-130.
- Muhammad Zaid Daud, & Mary Fatimah Subet. (2021b). Ayam sebagai rujukan makna inkuisitif berhati-hati, sia-sia dan khianat dalam peribahasa Melayu. *Kajian Malaysia*. [http://web.usm.my/km/earlyView\\_May2021/16\\_KM-OA-06-19-0071.R4.pdf](http://web.usm.my/km/earlyView_May2021/16_KM-OA-06-19-0071.R4.pdf)
- Muhammad Zaid Daud, Mohammad Shahrul Nizam Abd Wahid, & Remmy Gedat. (2017). Eufemisme dalam bahasa Iban: Satu kajian kes di Kampung Lebor, Serian, Sarawak. *Borneo Research Journal*, 11(1), 87-105.
- Muhammad Zaid Daud, Mohammad Shahrul Nizam Abd Wahid, & Remmy Gedat. (2018). Penggunaan eufemisme dalam kalangan penutur Iban. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 8(1), 27-40.
- Muhammad Zaid Daud, Nurfatin Hanani Wahap, & Muhammad Nurikhwan Lokman. (2018). Analisis semiotik peribahasa Banjar bersumberkan ular (serpentes). *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(2), 1-7.
- Muhammad Zaid Daud. (2017). *Slanga kedai kopi: Satu analisis semantik inkuisitif* (FYP thesis). Universiti Malaysia Sarawak.
- Muhammad Zaid Daud. (2018a). Domain rezeki dalam peribahasa Melayu berorientasikan Aves melalui perspektif semantik inkuisitif. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(1), 19-28.
- Muhammad Zaid Daud. (2018b). Gallus gallus domesticus dan Paradoxurus hermaphroditus dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Sains Humanika*, 10(2), 41-51.
- Muhammad Zaid Daud. (2018c). Pengaplikasian kerangka semantik inkuisitif melalui slang. *MALTESAS MultiDisciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(3), 43-52.

- Muhammad Zaid Daud. (2018d). Imej tumbuhan dalam slanga: Analisis semantik inkuisitif. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 4(1), 1-21.
- Muhammad Zaid Daud. (2020). *Unggas dalam peribahasa Melayu: Satu analisis semantik inkuisitif* (Unpublished master's thesis). Universiti Malaysia Sarawak.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Semantik dan akal budi Melayu*. Penerbit UKM.
- Pan, T., Miao, J. S., Zhang, H. B., Yan, P., Lee, P. S., Jiang, X. Y., ... & Wu, X. B. (2021). Near-complete phylogeny of extant Crocodylia (Reptilia) using mitogenome-based data. *Zoological Journal of the Linnean Society*, 191(4), 1075-1089.
- Razali, N. F. S. M., Deli, R. M., & Daud, M. Z. (2018). Asas Fonem Konsonan Dialek Melayu Kelantan (Subdialek Pasir Mas, Kelantan). *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(2), 8-24.
- Razali, N. F. S. M., Deli, R. M., & Daud, M. Z. (2020). Penelitian Dini Dialek Melayu Kelantan (Subdialek Pasir Mas, Kelantan): Fonem Vokal. *Jurnal Sains Sosial: Malaysian Journal of Social Sciences*, 4(1), 102-112.
- Ritos, S., & Daud, M. Z. (2020). Strategi penggantian disfemisme kepada eufemisme dalam komunikasi lisan masyarakat Bidayuh, Bau: Analisis pragmatik. *Asian People Journal*, 3(1), 64-83.
- Russel Dundang, & Mary Fatimah Subet. (2018). Unsur Alam Dalam Peribahasa Iban (Jaku' Sempama): Satu Analisis Semantik Inkiusitif. *Trends in Undergraduate Research*, 1(1), f10-15.
- Seymour-Smith, C. (1986). *Dictionary of Anthropology*. G.K. Hall.
- Shamsudin Othman, Azhar Md Sabil, & Ghazali Lateh. (2015). Pemikiran akal budi dan sosiobudaya Melayu dalam pendidikan Kesusasteraan Melayu. *International Journal of Education and Training (InJET)*, 1(2), 1-10.
- Siti Elmira Jonteng, Yazid Yahya, Siti Farida Salleh, Nurul Aida Abdullah, Mary Fatimah Subet (2021). Imej Perlambangan 'Tangan' Dalam Simpulan Bahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Asian People Journal*, 4(1), 108-131.
- Syed Abdullah Syed Sulaiman. (2011). *Tradisi lisan: Satu penilaian*. Universiti Malaysia Kelantan.
- Tamimi, A. (2021). *Rachid Ghannouchi: Seorang demokrat dalam wacana Islamisme*. Islamic Renaissance Front.
- Tangaprabu Murthy, & Mary Fatimah Subet. (2018a). Imej rumput dalam peribahasa Tamil: Suatu kajian semantik inkuisitif. *Issues in Language Studies*, 7(1), 37-56.
- Tangaprabu Murthy, & Mary Fatimah Subet. (2018b). Imej tebu dalam peribahasa Tamil: Analisis semantik inkuisitif. *Trends in Undergraduate Research*, 1(1), 24-29.
- Tangaprabu Murthy, & Mary Fatimah Subet. (2019). Imej katak (கூவளை) dalam peribahasa Tamil: Analisis semantik inkuisitif. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal*, 4(1), 31-41.
- Tangaprabu Murthy, & Mary Fatimah Subet. (2020). Gajah (யானை) dalam peribahasa Tamil: Analisis semantik inkuisitif. *Asian People Journal (APJ)*, 3(2), 134-146.

- Tangaprabu Murthy, Mary Fatimah Subet, & Muhammad Zaid Daud. (2019a). Cerminan pemakanan sihat dalam peribahasa Tamil: Suatu kajian semantik inkuisitif. *JSSH (Jurnal Sains Sosial dan Humaniora)*, 3(2), 117-129.
- Tangaprabu Murthy, Mary Fatimah Subet, & Muhammad Zaid Daud. (2019b). Peribahasa Tamil berimej lada hitam sebagai tradisi lisan: Analisis semantik inkuisitif. *The International Journal of Creative Futures and Heritage*, 7(2), 70-88.
- Tangaprabu Murthy, Mary Fatimah Subet, & Muhammad Zaid Daud. (2019c). Kajian semantik inkuisitif dalam peribahasa Tamil: Imej tumbuhan. *Sains Humanika*, 11(1), 73-80.
- Tenas Effendy. (2013). *Kearifan pemikiran Melayu*. Tenas Effendy Foundation.
- Tuniyev, B. S., Shagarov, L. M., & Arribas, O. J. (2020). *Podarcis siculus* (Reptilia: Sauria: Lacertidae), a new alien species for Russian fauna. *Proceedings of the Zoological Institute RAS*, 324(3), 364-370.
- Villa, A., & Delfino, M. (2019). A comparative atlas of the skull osteology of European lizards (Reptilia: Squamata). *Zoological Journal of the Linnean Society*, 187(3), 829-928.
- Wahid, M. S. N. A., & Daud, M. Z. (2018). Individu dan pemilihan dialek: Kajian kes di Kota Samarahan, Sarawak. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(3), 11-21.